



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT **BUKU CIK AKADEMIK LAWAN SAMSENG INSAF**

Blink Book Sdn. Bhd. menampilkan sebuah buku terbaru yang pasti mengimbau kembali memori zaman persekolahan pembaca. Naskhah terbaru ini berjudul Cik Akademik Lawan Samseng Insaf. Sebuah kisah yang merangkumi babak saspens, humor, akademik, manis, dan cemas. Sememangnya gandingan dua penulis hebat, Ain Maisarah dan Rashiela Nurain berjaya menulis sebuah kisah yang boleh dijadikan inspirasi dan motivasi kepada pembaca.

Bukan sekadar buku cerita pelajar sekolah yang biasa, ini sebuah kisah yang memaparkan realiti kehidupan pelajar yang kurang cemerlang dalam akademik. Namun akhirnya berjaya lulus dalam peperiksaan. Buku ini membuktikan bahawa pelajar yang berusaha, rajin, dan tekun belajar pasti berjaya walaupun menggunakan kaedah pembelajaran yang tersendiri.

Bonus untuk terbitan buku terbaru ini turut dilampirkan ruangan Tip Belajar. Antara tip yang dikongsikan adalah *Strategi Belajar yang Sesuai untuk Pelajar Jenis Visual*, *Strategi Belajar yang Sesuai untuk Pelajar Jenis Auditori*, dan banyak lagi. Dan keunikan buku ini turut dilampirkan ruangan glosari Bahasa Mandarin.

Ikuti juga karya Blink Book Sdn. Bhd. yang lain seperti *Aku Mahu Jadi Robot*, *Aku Mahu Bergaya*, *Aku Mahu ke Paris*, dan *Aku Mahu Diari Pink*. Kepada Blinkers yang meminati genre buku seram, Blink Book Sdn. Bhd. turut menerbitkan buku terbaru seperti *Hantu Asrama*, *Rasukan Anak Patung*, *Korban Kerusi Biru*, dan lain-lain.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI
Publicist
PTS Media Group Sdn. Bhd.
H/P: 016-661 1974
E-mel: awatif@pts.com.my